

MENGEJAR IMPIAN MENGGAPAI HARAPAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan mengerjakan suruhan dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keredhaan Allah di dunia dan akhirat.

Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Nur ayat 44,

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَقْلِبُ اللَّهُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَعِبْرَةً لَأُولِي الْأَبْصَارِ ﴿٤٤﴾

Yang bermaksud: Allah menukarkan malam dan siang silih berganti sesungguhnya yang demikian mengandung pengajaran bagi orang yang celik

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Marilah kita bersyukur kepada Allah Subhanahu wa-Taala kerana masih diberi peluang oleh-Nya untuk menempuh tahun baharu 2019 dalam keadaan sihat, menikmati pelbagai rezeki, berada di negara yang aman dan bersama ahli keluarga yang dicintai. Kedatangan tahun baharu merupakan perubahan satu detik masa yang lalu kepada masa yang akan datang. Nilai masa amat besar dalam Islam kerana perubahan masa bermakna umur kita semakin meningkat dan semakin hampir bertemu dengan Allah Subhanahu wa-Taala. Umur merupakan antara perkara yang ditanya oleh Allah Subhanahu wa-Taala. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah Fathir ayat-37:

أَوَلَمْ نُعَمِّرْكُم مَّا يَتَذَكَّرُ فِيهِ مَن تَذَكَّرَ وَجَاءَكُمُ النَّذِيرُ

Yang bermaksud: *Bukankah Kami telah melanjutkan umur kamu dan memberikan masa yang cukup untuk berfikir dan beringat pada-Nya oleh sesiapa yang suka berfikir dan beringat dan kamu pula telah didatangi oleh Rasul.*

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi yang bermaksud: *“Tidak akan bergerak kaki seorang hamba pada hari kiamat sehingga dia ditanya tentang umurnya untuk apa dia habiskan, tentang jasadnya bagaimana digunakan, tentang ilmunya untuk apa dia amalkan dan tentang hartanya dari mana dia perolehi dan bagaimana dibelanjakan”*.

Abu Darda’ pula mengingatkan kita dengan katanya: *‘Wahai anak Adam! Kamu hanyalah satu himpunan beberapa hari, setiap satu hari berlalu maka sebahagian dari diri kamu pun ikut pergi’*.

Oleh itu ingatlah kedatangan tahun baharu mengajak kita untuk bermuhasabah dengan amalan yang dilakukan pada masa lalu. Masa-masa yang dipenuhi dengan ibadat dan kebaikan itu adalah anugerah Allah yang besar, masa kita mendapat nikmat perlu sentiasa disyukuri dan masa yang diisi dengan maksiat hendaklah diganti dengan taubat dan istighfar kepada Allah Subhanahu wa-Taala.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Kedatangan tahun baharu menuntut kita semua untuk melakukan perubahan ke arah yang lebih baik. Perubahan berlaku dengan keazaman yang diikuti dengan usaha bersungguh-sungguh. Setiap kita perlu berubah ke arah kehidupan yang lebih sempurna. Baiki amal ibadat yang dilakukan sehari-harian, tambahkan ilmu pengetahuan lebih-lebih lagi ilmu agama. Berusahalah untuk menjauhkan diri daripada perkara-perkara maksiat dan meninggalkan perbuatan yang sia-sia. Jangan abaikan untuk meningkatkan taraf kehidupan dalam ekonomi, berusaha dengan gigih, meningkatkan kemahiran agar umat Islam dihormati dan dipandang mulia. Hayati kata-kata hikmah ini: *'Beramallah untuk akhiratmu seolah-olah kamu akan mati esok hari dan beramallah untuk duniamu seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya'*.

Jangan kita harap akan berlaku perubahan jika tidak dimulakan dari diri kita sendiri. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Ra'd ayat 11:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ

Yang bermaksud: *Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Kita melihat pada hari ini umat Islam sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam agama, politik, ekonomi dan sebagainya. Kita hendaklah bertekad untuk meletakkan diri dalam satu barisan untuk mempertahankan agama Allah Subhanahu wa-Taala ini. Kita perlu meyakini bahawa masa hadapan yang gemilang bagi umat Islam hanyalah apabila kita kembali kepada ajaran Islam. Oleh itu sedar dan bangkitlah untuk mempertahankan Islam. Jangan biarkan agama yang suci ini diperkotak-katikkan oleh musuh-musuh Islam.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengingatkan kita semua bahawa kelemahan umat Islam bukan kerana kekuatan musuh namun ia disebabkan kelemahan dalaman umat Islam sendiri. Ketika sahabat bertanya sebab umat Islam menjadi lemah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud:

حُبُّ الدُّنْيَا وَكَرَاهِيَةُ الْمَوْتِ

Yang bermaksud: *(sebabnya ialah mereka) Cintakan dunia dan takut kepada mati.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Umat Islam selama ini berpecah, perpecahan itu jelas merugikan kita orang Melayu dan agama Islam. Kalau dahulu kita berkuasa dan mencorakkan untuk membangunkan negara, agama dan bangsa Melayu oleh kita sendiri. Tetapi sekarang kita terpaksa merayu dan menagih simpati daripada pemimpin bukan Islam untuk melaksanakan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan bangsa Melayu dan Umat Islam. Ini adalah bukti yang jelas apabila kita hilang kuasa disebabkan perpecahan sesama kita.

Marilah kita berdoa agar pemimpin-pemimpin kita di segenap peringkat dan juga para ulama berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencari titik persamaan demi perpaduan dan kekuatan umat Islam. Ingatlah, kita semua bertanggungjawab di hadapan Allah Subhanahu wa-Taala jika membiarkan agama Islam dan umatnya dalam kelemahan. Semoga tahun baru 2019 ini akan mengembalikan sinar kegemilangan umat Islam di negara kita dan di seluruh dunia amnya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَاطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ، وَلَا تَنَزَعُوا فَنَفْسَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

Yang bermaksud: *Dan Taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); Sesungguhnya Allah beserta orang yang sabar.*

بَارِكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ
الرَّحِيْمُ.